

**SULIT**

**1103/2  
Bahasa Melayu  
Kertas 2  
Peraturan Pemarkahan**

**PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM TAHUN 2020**

---

**PERATURAN PEMARKAHAN 1103/2 (PP)**

---

**UNTUK KEGUNAAN PEMERIKSA SAHAJA**

Kertas Peraturan Pemarkahan ini mengandungi 17 halaman bercetak

[Lihat halaman sebelah]

**1103/2 (PP) © SMKSR  
SULIT**

**Markah penuh 110 markah****SOALAN 1**

Markah penuh 30 dibahagikan kepada

- |           |   |           |
|-----------|---|-----------|
| a) Isi    | - | 20 markah |
| b) Bahasa | - | 10 markah |

a) **Isi** [20 markah]

**Nota :** Panduan mengira perkataan :

Perkataan yang dikira sebagai satu perkataan :

- nama khas
- perkataan berulang
- penggunaan kata sendi di dan ke
- tarikh
- angka yang ditulis dengan nombor atau perkataan
- gelaran
- penanda wacana
- peribahasa/ slogan

ii. Kira dan **tandakan** jawapan calon setakat **120 patah perkataan** sahaja sebelum diperiksa.

iii. Periksa jawapan calon setakat 120 patah perkataan sahaja. Yang selebihnya **tidak perlu diperiksa**.

iv. Berikan markah bagi setiap isi yang tepat dan lengkap sahaja.

Bahagian	Markah									Markah
(i) Pendahuluan										2
(ii) Isi Tersurat	4	5	6	7	8	9	10	11	12	16
(iii) Isi Tersirat	12	11	10	9	8	7	6	5	4	
(iv) Penutup / Kesimpulan										2
<b>Jumlah Markah</b>										<b>20</b>

[Lihat halaman sebelah]

**Soalan 1 - Rumusan**

<b>Pendahuluan (2 markah)</b>	<b>Markah</b>
P1 Petikan membincangkan kriteria-kriteria /sifat-sifat <b>seseorang</b> remaja bersahsiah tinggi/ di <b>negara ini</b>	2
P2 Petikan membincangkan kriteria-kriteria/ sifat-sifat remaja bersahsiah tinggi dan cabaran kehidupan yang perlu ditangani oleh remaja hari ini	2
P3 Rumusan ini membincangkan kriteria-kriteria/ sifat-sifat remaja bersahsiah tinggi dan langkah-langkah ibu bapa membentuk tingkah laku terpuji anak-anak.	2
P4 Petikan /Rumusan ini membincangkan kriteria-kriteria/ sifat-sifat remaja berhahsiah tinggi.	1
P5 Petikan membincangkan ciri-ciri remaja bersahsiah tinggi. Rumusan ini membincangkan remaja berhahsiah tinggi.	0

**Isi Tersurat [4 markah hingga 12 markah]****(ciri-ciri remaja bersahsiah tinggi)**

S1 memiliki sikap keterbukaan.	2
S2 mengamalkan etika dan personaliti yang luhur	2
S3 sentiasa mengamalkan sikap toleransi dan bertolak ansur	2
S4 jati diri yang mapan	2
S5 bersikap kreatif dan inovatif.	2
S6 berani menetapkan matlamat hidup yang jelas.	2
S7 kecergasan fizikal dan bersemangat waja	2
S8 belajar bersungguh-sungguh menimba segala ilmu pengetahuan.	2

[Lihat halaman sebelah]

**Isi tersirat [ 4 markah hingga 12 markah ]****(langkah-langkah ibu bapa membentuk tingkah laku terpuji anak-anak)**

- |    |  |   |
|----|--|---|
| T1 | sentiasa menunjukkan contoh/teladan yang baik di hadapan anak-anak         | 2 |
| T2 | sentiasa memberikan didikan agama/moral kepada anak-anak                   | 2 |
| T3 | selalu menasihati/ menegur tingkah laku anak-anak yang salah               | 2 |
| T4 | membawa anak-akan ke kelas agama/ rumah ibadat/ rumah kebajikan            | 2 |
| T5 | memantau/ mengambil tahu aktiviti masa senggang anak-anak/ rakan anak-anak | 2 |
| T6 | sentiasa berdoa/solat hajat  | 2 |

**Kesimpulan**

- |    |   |   |
|----|---|---|
| K1 | Kesimpulannya, remaja perlu berusaha memiliki sahsiah tinggi agar kehidupan remaja lebih berkualiti/ dihormati. | 2 |
| K2 | Kesimpulannya, remaja hendaklah memiliki sahsiah tinggi/bersahsiah tinggi                                       | 1 |

[Lihat halaman sebelah]

b) **Bahasa** [10 markah]

Asas pemberian markah tertakluk kepada markah isi seperti yang dinyatakan dalam jadual berikut:

Peringkat	Markah Isi	Markah Bahasa	Huraian
Baik	18 – 20 15 - 17	9 – 10 7 - 9	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Kesinambungan isi baik</li> <li>- Struktur ayat / tatabahasa baik</li> <li>- Kosa kata luas</li> <li>- Tanda bacaan / ejaan betul</li> </ul>
Sederhana	12 – 14 8 – 11	6 – 7 4 - 6	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Kesinambungan isi masih baik</li> <li>- Struktur ayat / tatabahasa masih memuaskan</li> <li>- Kosa kata masih memuaskan</li> <li>- Tanda bacaan / ejaan juga memuaskan</li> </ul>
Lemah	1 - 7	1 - 4	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Pada keseluruhannya dalam serba kekurangan / tidak memuaskan</li> </ul>

**Nota**

- (i) Jika bahasanya agak baik, **tambah 1 markah** lagi.
- (ii) Jika bahasanya kurang memuaskan, **tolak 1 markah**.
- (iii) Jika **disalin bulat-bulat** perkataan demi perkataan, ayat demi ayat, walaupun jumlah perkataan **kurang daripada 120** patah perkataan, berikan **0 markah**.
- (iv) Jika rumusan **kurang daripada 120** patah perkataan, **markah tidak dipotong**.

[ Markah bahasa **maksimum**; **10 markah**]

[Lihat halaman sebelah]

**Soalan 2**

Markah penuh **35 markah** dibahagikan kepada:

Soalan 2(a) : **9 markah**

Soalan 2(b) : **9 markah**

Soalan 2(c) : **8 markah**

Soalan 2(d) : **9 markah**

**Perhatian bagi soalan 2(a) hingga soalan 2(d)**

1. Jawapan hendaklah menggunakan **ayat sendiri**.
2. Jawapan hendaklah dalam **ayat yang lengkap/sempurna**
3. Jika disalin bulat-bulat daripada teks dan jawapan itu **betul, berikan separuh (50%)** daripada markah yang diperuntukkan sahaja.

**Panduan Pemarkahan Soalan pemahaman****1. Soalan 2 markah:**

<b>DESKRIPSI</b>	<b>MARKAH</b>
-Jawapan tepat mengikut konteks/isi cukup dan ayat gramatis	2
-Jawapan tepat tetapi ayat tidak gramatis -Jawapan kurang tepat/ isi tidak cukup tetapi ayat gramatis	1
-Jawapan tidak tepat / salah	0

**2. Soalan 3 markah:**

<b>DESKRIPSI</b>	<b>MARKAH</b>
-Isi cukup dan lengkap/relevan dengan tugasan dan ayat gramatis	3
-Isi cukup dan lengkap/relevan tetapi ayat gramatis	2
-Isi tidak cukup/kurang lengkap dan ayat kurang gramatis	1
-Isi tidak cukup/kurang lengkap dan ayat gramatis	0

**3. Soalan 4 markah:**

<b>DESKRIPSI</b>	<b>MARKAH</b>
-Isi cukup dan lengkap/relevan dengan tugasan dan ayat gramatis	4
-isi cukup dan lengkap/relevan tetapi ayat kurang gramatis	3
-Isi tidak cukup/kurang lengkap dan ayat masih gramatis	2
-Isi tidak cukup/kurang lengkap dan ayat kurang gramatis	1
-Isi tidak betul /tidak relevan dengan tugasan, ayat gramatis	0

[Lihat halaman sebelah]

**Soalan 2(a) : Petikan Umum****(i) Maksud mengalami kecemasan emosi.**

- merasai/menghadapi kekusutan/masalah/gangguan perasaan 2
- *mengalami* kekusutan perasaan 1
- merasai/menghadapi *kekeliruan* perasaan 1
- merasai/ menghadapi kekusutan/masalah/gangguan *emosi* 1

**(ii) Cabaran-cabaran remaja**

- |  |   |
|--|---|
| P1 pengaruh media masa dan media sosial.   | 1 |
| P2 pengaruh rakan sebaya.                  | 1 |
| P3 konflik dalam keluarga dan masyarakat . | 1 |
| P4 konflik isu semasa                      | 1 |

[ Maksimum : 3 markah ]  
 [ Isi cukup : 2 isi ]

**(iii) Punca-punca**

P1 Remaja hari ini dibelenggu oleh masalah kekangan masa.

P2 Kurang kesedaran pelajar tentang manfaat aktiviti komuniti.

P3 Sesetengah remaja suka menghabiskan masa mereka dengan kegiatan yang tidak berfaedah

P4 Sesetengah ibu bapa remaja tidak menggalakkan anak remaja mereka terlibat dengan aktiviti tersebut kerana masalah keselamatan, kecederaan dan lain-lain.

P5 Remaja terpengaruh oleh sikap masyarakat hari ini yang lebih mengutamakan materialistik.

P6 Remaja menganggap gotong-royong kerja yang sia-sia kerana ketiadaan upah atau ganjaran.

**( Isi yang lain boleh diterima sekiranya sesuai)**

[ Maksimum : 4 markah ]  
 [ Isi cukup : 3 isi ]

[Lihat halaman sebelah]

## Soalan 2 (b) – Petikan Prosa Moden

- i. Berdasarkan petikan, apakah perkara yang dilakukan oleh Doktor Murni selepas bertemu dengan Prof Doktor Juaidi?

[2 markah]

Perkara yang dilakukan oleh Doktor Murni ialah :

P1 - Doktor Murni **menggapai tangan** Nusia (aku)

P2 - Doktor Murni mengajak Nusia **ke Bank Darah**

P3 - **Doktor Murni dan Nusia** menderma **dua pek darah** untuk menyelamatkan mereka yang koma di Wad Unit Rawatan Rapi

- ii. Andaikan anda ialah Doktor Murni, apakah pendekatan yang boleh diambil untuk mengatasi masalah kekurangan bekalan darah?

[3 markah]

Pendekatan yang boleh diambil untuk mengatasi masalah kekurangan bekalan darah ialah

P1 - mengadakan **kempen derma darah** untuk menggalakkan masyarakat menderma darah.

P2 - **meminta bantuan** daripada hospital lain untuk menyumbangkan bekalan darah.

P3 - Pihak hospital juga boleh mengambil inisiatif untuk **mewajibkan setiap kakitangan** dan staf di hospital untuk menderma darah.

- iii. Berikan satu perwatakan doktor Murni dalam petikan dan satu lagi perwatakan lain berdasarkan keseluruhan cerpen.

[4 markah]

P1 - Perwatakan Doktor Murni yang terdapat dalam **petikan** ialah dia seorang yang **rasional**. Bukti, dia menyerahkan surat perletakan jawatannya kerana yakin akan ada hospital yang memerlukannya.

P2 - Perwatakan Doktor Murni daripada **keseluruhan** cerpen ialah dia seorang yang **prihatin**. Bukti, dia memaklumkan kepada Doktor Juaidi mengenai bekalan darah di bank darah.

P3 - Seorang yang **bertanggung jawab** menjalankan tugas

Doktor Murni dan Nusia bertanggung jawab merawat semua pesakit tanpa mengira darjah dan pengkat

[Lihat halaman sebelah]

**Soalan 2 (c) – Petikan Prosa Klasik**

i. Berikan maksud rangkai kata *penjurit besar*?

[2 markah]

- Maksud rangkai kata *penjurit besar*

**penjurit** - Pejuang/askar upahan/penjarah/penjahat

**besar** - hebat/gagah/terkenal

ii. Berdasarkan petikan di atas, apakah perbuatan yang dilakukan oleh Kertala Sari setelah tiba di Melaka?

[3 markah]

Perbuatan yang dilakukan oleh Kertala Sari setelah tiba di Melaka ialah

P1 - singgah di luar kota (pada segala Kampung Jawa)

P2 - menyamar dirinya seperti orang jawa

P3 - berjalan keluar masuk kampung/ meninjau segenap kampung

iii. Pada pendapat anda, apakah tindakan untuk kita melindungi kediaman daripada dimasuki oleh pencuri?

[3 markah]

Tindakan untuk kita melindungi kediaman daripada dimasuki oleh pencuri ialah

P1 - memastikan pintu/tingkat/pagar telah dikunci/bertutup

P2 - memasang sistem keselamatan yang berkesan di rumah.

P3 - elakkan daripada menyimpan barang yang berharga dan bernilai tinggi di rumah bagi mengelak rumah dimasuki pencuri.

[Lihat halaman sebelah]

**Soalan 2 (d) – Petikan Puisi**

- i. Berdasarkan gurindam diatas berikan maksud rangkap pertama?  
[2 markah]
- Mata haruslah diperlihara sebaik-baiknya supaya tidak melihat sesuatu perkara yang dilarang oleh tuhan
- ii. Ungkapan lidah lebih tajam daripada mata pedang memberikan gambaran betapa pentingnya kita menjaga pertuturan dalam pergaulan.

Pada pendapat anda, mengapakan seseorang perlu menjaga menjaga tutur katanya?

[3 markah]

seseorang perlu menjaga menjaga tutur katanya?

- P1 - menjaga hati dan perasaan orang sekeliling  
P2 - disayangi dan disenangi oleh masyarakat  
P3 - mewujudkan keharmonian hidup bermasyarakat

- iii. Huraikan **dua** nilai yang terdapat yang terdapat dalam gurindam di atas.  
[4 markah]

**dua** nilai

- P1 - Nilai kebijaksanaan  
Contohnya kebijaksanaan dalam menuturkan kata-kata.  
P2 - Nilai kesederhanaan  
Contohnya kesederhanaan ketika menghadap rezeki  
P3 - Kesabaran  
Cth: Kesabaran memelihara mata daripada melihat perkara negatif.  
P3 - Berbudi bahasa  
Cth : Seseorang perlu menjaga tutur kata agar mendapat banyak faedahnya.

[Lihat halaman sebelah]

**Soalan 3**

Markah penuh 30 dibahagikan kepada

- Soalan 3 (a) : 6 markah
- Soalan 3 (b) : 6 markah
- Soalan 3 (c) : 6 markah
- Soalan 3 (d) : 6 markah
- Soalan 3 (e) : 6 markah

**Perhatian bagi soalan 3(a)**

1. Berikan 1 markah bagi setiap ayat yang betul.
2. Tolak 1 markah bagi kesalahan ejaan/ jalan bahasa / tanda baca daripada keseluruhan soalan.
3. Perkataan berkenaan digunakan sebagai peribahasa, berikan 0 markah.
4. Perkataan digunakan sebagai nama khas, berikan 0 markah.
5. Sengaja menambah imbuhan, berikan 0 markah.
6. Ayat yang dibina seperti satu ayat tetapi sebenarnya lebih, tolak  $\frac{1}{2}$  markah bagi setiap ayat.
7. Jika semua perkataan digunakan dalam satu ayat, berikan pertimbangan sebagai satu ayat.
8. Boleh menggunakan struktur cakap ajuk dengan mematuhi tanda bacanya.
9. Isi tidak jelas, tolakkan  $\frac{1}{2}$  markah bagi ayat tersebut.

**Jawapan 3(a)**

- (i) cerpen - singkatan daripada cerita pendek
- (ii) pawagam -singkatan panggung wayang/tempat menonton filem
- (iii) kugiran- singkatan daripada kumpulan gitar rancak/ pancaragam yang memainkan lagu-lagu rancak yang disukai ramai.
- (iv) jenama- jenis barang yang memakai nama khas yang dikeluarkan oleh pengeluar.
- (v) halaju-kadar pergerakan sesuatu;kelajuan;kecepatan
- (vi) debunga – debu bunga / benih bunga jantan yang akan bersenyawa dengan benih bunga betina, serbuk halus yang terdapat pada bunga

**[6 markah]**

**Jawapan 3(b)**

- i. ayat suruhan
- ii. ayat permintaan
- iii. ayat larangan
- iv. ayat silaan
- v. ayat suruhan
- vi. ayat permintaan

**[6 markah]**

[Lihat halaman sebelah]

**Jawapan 3(c)****Kesalahan ejaan dan imbuhan**

- |      |               |                 |
|------|---------------|-----------------|
| i.   | menselesaikan | - menyelesaikan |
|      | tempuh        | -tempoh         |
| ii.  | pedalaman     | -pendalaman     |
|      | 90 an         | -90-an          |
| iii. | ditemuduga    | -ditemu duga    |
|      | China         | - Cina          |

**[6 markah]****Jawapan 3(d)****Kesalahan istilah /kata dan tatabahasa**

- |      |                  |                  |
|------|------------------|------------------|
| i.   | kepada           | -akan            |
|      | meningkatkan     | -melanjutkan     |
| ii.  | dicaj            | -dicas           |
|      | dibawa oleh saya | -saya bawa       |
| iii. | laju             | -cepat           |
|      | terbit matahari  | -matahari terbit |

**[6 markah]****Jawapan 3(e) : Peribahasa**

- i. Bulat air kerana pembetung, nulat manusia kerana muafakat
- ii. Genggam bara api, biar sampai jadi arang
- iii. Di mana bumi dipijak, di situ langit dijunjung/ masuk kandang kambing mengembek, masuk kandang kerbau menguak.

**[6 markah]****[Lihat halaman sebelah]**

## PERATURAN PEMARKAHAN NOVEL

### Soalan 4

Markah penuh **15** markah

#### **Panduan pemarkahan bagi soalan 4**

- a. (i) Jawab berdasarkan **sebuah** novel yang anda pelajari.  
(ii) Jawapan hendaklah dalam ayat-ayat yang lengkap.  
(iii) Beri 1 markah bagi setiap **tema** yang betul.  
(iv) Berikan 1 markah bagi **penyataan watak utama** dalam huraian.  
(v) Beri 2 markah bagi setiap **huraian** yang lengkap dan jelas.  
(vi) Beri 0 markah bagi persoalan keberanian yang tidak betul.  
(vii) Markah isi maksimum 4 markah.  
(viii) Markah bahasa diberi secara *impression*.  
    Baik : 3 markah  
    Sederhana : 2 markah  
    Lemah : 1 markah  
(ix) Jika calon menjawab dan markah isi 0, beri 1 markah bahasa.  
(x) Calon tidak menjawab 0 markah

**[ Maksimum: 7 Markah ]**

- b. (i) Jawapan berdasarkan **dua** buah novel.  
(ii) Jawapan hendaklah dalam ayat yang lengkap dan jelas.  
(iii) Beri 2 markah bagi setiap peristiwa yang lengkap/ jelas bagi setiap novel.  
(iv) Beri 1 markah bagi setiap sebab yang lengkap/ jelas bagi setiap novel.  
(v) Markah isi maksimum 6 markah.  
(vi) Markah bahasa maksimum 2 markah  
(vii) Markah bahasa diberi secara *impression*.  
    Baik : 2 markah  
    Lemah : 1 markah  
(viii) Jika calon menjawab dan markah isi 0, beri 1 markah bahasa.  
(ix) Calon tidak menjawab 0 markah

**[ Maksimum: 8 Markah ]**

[Lihat halaman sebelah]

#### **Soalan 4 : Novel**

(a) Berdasarkan **sebuah** novel yang anda kaji,uraikan tema dalam novel tersebut.

[7 markah]

##### **4a. Tema dalam novel**

Tema novel Di Sebalik Dinara karya Dayang Noor

Novel ini membawa **tema ketaasuhan terhadap teknologi hingga menghilangkan sifat kemanusiaan**

Watak utama novel iaitu **Farisha, pakar penggodam sistem perkomputeran. menjadi mangsa kepada ayah kandungnya sendiri.**

- Farisha menjadi mangsa ketaksuban ayahnya , Karl untuk mencipta sesuatu yang baharu telah mengorbankan nilai-nilai kemanusiaan asalkan hajatnya tercapai sehingga sanggup menjadikan Farisha, anaknya sendiri bahan uji kaji dengan memasukkan mikrocip dalam badan Farisha sejak dia kecil lagi agar dia mewarisi kebijaksanaan Karl.

##### **Ketaasuhan terhadap teknologi hingga mengetepikan nilai kemanusiaan**

- Karl memasukkan mikrocip ke dalam tubuh anaknya,Farisha untuk menjadikannya genius
- Karl menyeksa isterinya hingga cacat dan menukarnya menjadi cyborg

##### **Ketaksuhan sesetengah golongan manusia mengejar kemajuan sains dan teknologi sehingga mengabaikan nilai kemanusiaan.**

- Karl terlalu taksub untuk membuktikan kehebatannya dalam ciptaan sains sehingga melupakan aspek kemanusiaan. Karl telah mengorbankan ramai manusia dan menjadikan mereka sebagai bahan kajian.
- Karl menanam pelbagai implan dan memasukkan pelbagai ubat dalam tubuh anaknya untuk menjadikannya genius dan mampu meneruskan kepandaianya dalam bidang sains.

[Lihat halaman sebelah]

Tema novel Silir Daksina Karya Nizar Parman

Novel ini membawa **tema kekeluargaan**.

**Watak utama novel iaitu Haiqal berhadapan dengan konflik keluarga yang berpunca daripada perceraian ibu bapanya**

- Perceraian antara Cikgu Zam dengan isterinya Rafiqah menyebabkan Haiqal dipisahkan oleh ibunya daripada ayah kandungnya iaitu Abdullah Kayan. Namun setelah dewasa dan menerima manuskrip yang dikirimkan oleh Swee Hwa, Haiqal bertekad untuk mengetahui asal usul ayah kandungnya seperti yang terdapat dalam manuskrip walaupun hasratnya ditentang keras oleh ibunya.

Novel Silir Daksina bertemakan **kekeluargaan**. Konflik keluarga yang dialami oleh Haiqal berpunca daripada perceraian umi dan ayahnya, Abdullah Kayan.

Perceraian tersebut menyebabkan Haikal terpisah jauh dari Ayahnya. Haiqal dipelihara oleh uminya dan ayah tirinya, Walid. Mereka menetap di Kuala Terengganu. Haikal tidak dapat menemui atau mengenali ayah kandungnya sehingga ayahnya meninggal dunia.

Suatu hari, Haiqal telah didatangani manuskrip lama hasil penulisan ayah kandungnya. Dia teruja dengan kandungan manuskrip itu dan bertekad untuk mencari jejak kehidupan arwah ayah kandungnya itu di sebuah kampung di Batu Pahat, Johor. Keputusannya untuk ke kampung arwah ayahnya mendapat tentangan daripada uminya. Umi melarang Haiqal ke Johor atas sebab-sebab tertentu.

Haiqal telah membuat keputusan bahawa dia tetap akan pergi walaupun uminya melarang keras keputusannya itu. Uminya tidak mahu Haiqal mengikuti jalan hidup seperti arwah ayah kandungnya. Haiqal tidak diberikan sebarang wang perbelanjaan untuk ke sana.

Sesampai di Kampung Seri Purnama, Haiqal disambut mesra oleh penduduk kampung. Hal ini dikatakan demikian kerana ayah kandung Haiqal seorang yang sangat disegani di sana. Sedikit demi sedikit Haiqal mula mengetahui mengenai arwah ayahnya melalui penceritaan penduduk-penduduk kampung di situ.

**Tema : Kekeluargaan**

Haiqal berani pergi ke batu pahat seorang diri untuk menjelak sejarah ayah kandungnya Abdullah bin Kayan@ Cikgu Nizam sentiasa merindui anaknya walaupun telah lama terpisah.

[Lihat halaman sebelah]

## TEMA

- Novel ini membawa **tema kekeluargaan**. Konflik keluarga yang dihadapi oleh Haiqal berpunca daripada penceraian umi dan ayahnya.
- Penceraian tersebut menyebabkan Haiqal hidup terpisah daripada ayah kandungnya iaitu Abdullah Bin Kayan. Haiqal dipelihara oleh uminya bersama-sama Walid. Haiqal tidak dapat bertemu atau mengenali ayah kandungnya sehingga ayahnya meninggal dunia. Walaupun mendapat tentangan daripada ibunya, Haiqal tetap pergi ke Batu Pahat untuk lebih mengenali arwah ayahnya.

- (b) Berdasarkan **dua** buah novel yang anda pelajari,uraikan **satu** peristiwa yang menggambarkan nilai kasih sayang antara ahli keluarga yang terdapat dalam setiap novel tersebut.

[8 markah]

### 4b. Peristiwa nilai kasih sayang antara ahli keluarga.

Novel Silir Daksina Karya Nizar Parman

1.

- Peristiwa Walid menghampiri Haiqal dan mengusap-usap bahu Haiqal selepas Haiqal bergaduh dengan uminya,Rafiqah kerana memberitahu hajatnya yang ingin ke kampung halaman Abdullah Bin Kayan
- Peristiwa Cikgu Zam teringat akan Aiman apabila melihat Ai Ling kerana umur mereka yang sebaya
- Peristiwa Walid akan menampung segala perbelanjaan Haiqal sepanjang dia berada di Johor kerana umi Haiqal mengatakan bahawa dia tidak akan memberi wang kepadanya sekiranya dia ke kampung arwah ayahnya,Abdullah Bin Kayan
- Peristiwa Abdullah bin Kayan yang sentiasa mengingati anaknya Aiman walaupun sudah lama terpisah. Dia juga telah menulis manuskrip dirumahnya sehingga larut malam untuk diserahkan kepada Haiqal sehingga mengabaikan kesihatannya. Dia juga pernah kerumah Haiqal untuk bertemu dengan Haiqal namun dihalang oleh ummi. Cikgu Zam juga pernah memberitahu bahawa dia sering mengingati Aiman apabila bertemu dengan Ai Ling kerana mereka sebaya.

**Peristiwa ini menunjukkan nilai kasih sayang ayah terhadap anak**

[Lihat halaman sebelah]

- Peristiwa sebelum menuju ke kereta Ratna yang telah menanti di luar pintu pagar rumah Haiqal, Haiqal telah bersalaman dengan Nurul Asiyah, dia dapat merasakan air hangat mengenai tangannya semasa adik tirinya itu mencium tangannya
- Peristiwa pada pukul 5 petang di rumah Haiqal, dia menerima SMS dari adiknya, Nurul Asiyah yang mengatakan bahawa dia amat merindui Haiqal. Sebenarnya, Haiqal juga amat merindui keluarganya.
- Peristiwa Haiqal menghantar pesanan ringkas kepada adik tirinya iaitu Nurul Asiah selepas dia menunaikan solat semasa berada di Kampung Seri Purnama kerana dia amat merindui adik tirinya itu.

**Peristiwa ini menunjukkan nilai kasih sayang antara adik beradik**

3.

- Peristiwa Haiqal memberitahu uminya bahawa dia akan ke Johor malam esok untuk ke kampung halaman ayahnya kerana dia hendak memenuhi harapan ayahnya.
- Peristiwa Haiqal berterima kasih kepada walid walaupun walid itu agak pendiam dan bukan darah dagingnya. Sikap keterbukaan yang ditunjukkan oleh walid sama seperti ayahnya membuatkan Haiqal menganggap walid itu bukan orang asing baginya
- Peristiwa pada waktu malam, Haiqal menangis melihat umi, walid dan adiknya, Nurul Asiyah hadir pada malam persembahan zapin di Kampung Seri Purnama. Dia ingin memeluk mereka kerana terlalu merindui wajah-wajah yang amat disayangi dan dirinduinya.

**Peristiwa ini menunjukkan nilai kasih sayang seorang anak terhadap ayah.**

### **Novel Di Sebalik Dinara**

1.

- Peristiwa Azraai memasang alat keselamatan *retina scanner* di rumah Farisha dan sistem intercom di pintu masuk rumah Farisha kerana bimbang akan keselamatan adiknya berikutnya peristiwa pembunuhan yang baru berlaku berdekatan tempat tinggal/ apartmen Farisha.
- Peristiwa Azraai tidak mampu menipu Farisha yang tidak tahu dia seorang anak angkat. Azraai menunjukkan satu fail peninggalan arwah ayahnya. Fail tersebut mengandungi dokumen permohonan untuk menjadikan Farisha sebagai anak angkat.
- **Peristiwa ini menunjukkan nilai kasih sayang seorang abang terhadap adiknya**

[Lihat halaman sebelah]

2.

- Peristiwa Marilyn/Medina berusaha menjelaki Farisha, anak kandungnya yang telah terpisah selama 26 tahun dengan mengupah Farid dan Amin untuk menculik Farisha kerana dia rindu akan anaknya
- Peristiwa Medina gembira kerana usahanya untuk menghubungi anaknya, Farisha selama ini telah berjaya. Medina juga menyatakan rasa rindunya terhadap Farisha.
- Peristiwa Medina iaitu ibu Farisha telah memberi Farisha kepada keluarga angkatnya kerana dia separuh gila dan tidak mampu menjaga Farisha dengan baik kemudian Medina juga ingin menyelamatkan Farisha daripada menjadi bahan uji kaji Karl walaupun Farisha anak kandung Karl dan Medina.

**Peristiwa ini menunjukkan nilai kasih sayang seorang ibu terhadap anaknya**

**3.**

- Peristiwa Farisha sedih apabila mendapat tahu abangnya, Azraai, menghidap penyakit jantung ketika makan malam di rumah Azraai. Farisha menangis dan meminta Azraai tidak lagi menyembunyikan masalah kepada Farisha kerana tidak mahu kehilangan abang yang amat disayangi.
- Peristiwa Farisha berasa sakit hati apabila Azraai, iaitu abangnya memberitahu berita yang agak mengejutkan Farisha iaitu doktor telah mengesahkan bahawa Azraai menghidapi masalah jantung. Oleh itu, Farisha menangis dan meminta Azraai tidak menyembunyikan sesuatu daripadanya.

**Peristiwa ini menunjukkan nilai kasih sayang seorang adik terhadap abang**

**4.**

- Peristiwa Farisha masih sayang akan ayahnya, Karl walaupun ayahnya menjadikan Farisha sebagai bahan uji kaji dengan memasukkan mikrocip pada tubuh Farisha semasa kecil. Farisha tetap berasa sedih apabila menatap wajah seorang insan yang sepatutnya dipanggil sebagai ayah sedang nazak di hospital.
- Peristiwa sebelum Karl meninggal dunia, Farisha memberanikan diri dan menggenggam tangan Karl dan kemudiannya memberikan salam kepada ayah yang baru dikenalinya walaupun tidak ada jawapan.

**Peristiwa ini menunjukkan nilai kasih sayang seorang anak terhadap ayah.**

**[ Peristiwa-peristiwa yang berkaitan boleh diterima]**

#### **PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT**

**[Lihat halaman sebelah]**

**1103/2 (PP) © SMKSR  
SULIT**

**Soalan (b)**

**Di Sebalik Dinara**

**Silir Daksina**

<p><b>Peristiwa kasih sayang ibu terhadap anak</b></p> <p>Marylin/Medina berasa susah hati apabila anaknya, Farisha diculik oleh Amin dan Farid. Apabilapenculik membawa Farisha untuk bertemu dengannya, Marylin/Medina mendekati Farisha dan mengatakan bahawa dia amat menyayangi Farisha.</p> <p><b>Peristiwa kasih sayang anak terhadap ibu bapa</b></p> <p>Walaupun baru mengetahui bahawa Karl dan Medina ialah ibu bapa kandungnya, Farisha menunjukkan kasih sayangnya dengan memujuk ibunya dan menangis ketika ayahnya meninggal dunia.</p> <p><b>Peristiwa kasih sayang abang terhadap adik</b></p> <p>Azraai amat sayang akan Farisha dan menganggap Farisha seperti adik kandungnya sendiri walaupun Farisha hanya anak angkat yang dipelihara oleh keluarganya.</p>	<p><b>Peristiwa kasih sayang bapa terhadap anak</b></p> <p>Abdullah bin Kayan terlalu sayang akan anaknya, Haiqal yang terpaksa berpisah dengannya akibat perceraian Abdullah Kayan menghasilkan manuskrip cerita tentang perasaan rindunya kepada anaknya.</p> <p><b>Peristiwa kasih sayang anak terhadap bapa</b></p> <p>Haiqal berasa sebak sewaktu menziarahi kubur arwah bapanya kerana perasaan sayangnya terhadap arwah ayahnya.</p> <p><b>Peristiwa kasih sayang ibu terhadap anak</b></p> <p>Umi tidak mahu Haiqal menjadi penulis seperti arwah ayahnya kerana berpendapat bahawa kehidupan seorang penulis tidak menjanjikan kebahagiaan dan hidup dengan bayang-bayang</p>
--	--